

Headline	Young Guns tunjuk gah tewaskan Thunderbolt		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jan 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	141 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,679		



Young Guns tunjuk gah tewaskan Thunderbolt

Kuala Lumpur: Naib juara musim lalu, UniKL Young Guns menewaskan SSP-MSP Thunderbolts 3-2 di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam sekali gus kembali mendaki ke tangga ketiga saingan Liga Hoki Remaja Kebangsaan (MJHL) 2016.

UniKL membuktikan mereka masih pasukan unggul apabila berjaya bangkit daripada ketinggalan untuk meleburkan rekod bersih tiga kemenangan oleh SSP-MSP sebelum ini.

Gol pembukaan diperoleh menerusi jaringan penyerang SSP-MSP, Haziq Fawwaz Ramli pada minit ke-31 selepas menewaskan penjaga gol UniKL, Amirul Afiq Azhar.

Bagaimanapun, UniKL tidak menunggu lama untuk menyamakan kedudukan apabila Muhd Ishraf Irsyad Alias bijak menguis masuk percubaan pukulan sudut penalti diambil Khairulaminir Abd Jalil seminit kemudian menjadikan kedudukan babak pertama 1-1.

Bersambung babak kedua, UniKL menggandakan asakan dan hasilnya Taufiq Kamjai menceriaikan pasukan menerusi jaringan padang pada minit ke-49 sebelum Khaliq Hamirin me-

mastikan kemenangan pada minit ke-62.

Cuba bangkit

SSP-MSP cuba bangkit, namun hanya mampu merapatkan jurang menerusi pukulan sudut penalti Idris Samad pada minit ke-70.

Keputusan itu menyaksikan SSP-MSP tewas buat kali pertama musim ini.

Pengendali UniKL, I Vikneswaran, berkata walaupun kecewa dengan kealpaan barisan pertahanan apabila melepaskan gol mudah di lewat permainan, beliau tetap berpuas hati dengan persembahan dipamerkan oleh anak buahnya sepanjang 60 minit permainan.

“Seperti saya katakan sebelum ini, saya tidak kisah siapa yang lawan kami, apa yang penting adalah persembahan pasukan kerana saya yakin pemain mampu mengalahkan pasukan lain.

“Kami boleh menjaringkan lebih banyak gol dan sepatutnya dapat mengelak daripada bolos pada saat akhir. Apa pun saya puas hati dengan peningkatan yang ditunjukkan pemain,” katanya. - **Oleh Mohd Khairie Khalid**